

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

22. Sila nyatakan perancangan di kawasan Byram bagi lima (5) tahun yang akan datang.
- (a) Bilakah pembinaan jambatan yang terlibat di dua (2) kawasan Byram dan Batu Kawan dijangka akan bermula?
 - (b) Apakah kategori *zoning* industri yang dibenarkan di kawasan Byram pada masa hadapan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

22. Perancangan kawasan Byram dalam tempoh lima (5) tahun adalah sebagai pembangunan Taman Perindustrian baharu yang dikenali sebagai Batu Kawan Industrial Park 2 (BKIP2) dan pembangunan bercampur.
- (a) Pembinaan jambatan yang akan menghubungkan Byram dan Batu Kawan dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2020 dan siap pada suku ketiga tahun 2022.
 - (b) Zon kawasan Byram berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 adalah zon "Kawasan Keutamaan Pembangunan 2". Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 7/2019 bertarikh 29 Ogos 2019 telah meluluskan sebahagian kawasan pengambilan tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Byram sebagai sebuah kawasan perindustrian baharu. Manakala kategori *zoning* industri yang dicadangkan di kawasan Byram pada masa hadapan terdiri daripada zon industri berat dan sederhana.